



AZALEZAH MALEK

DI RUMAH usang yang ditransisikan menjadi bengkel merupakan lokasi Pauziah bersama suaminya, Mohd. Najib menghasilkan perabot berasaskan kayu pain.



GAGAH. Pauziah menggunakan seluruh kudratnya mengalihkan papan sebelum melakukan kerja-kerja pemotongan kayu.



Oleh MAZLINA ABDUL MAJID
mazlina.majid@kosmo.com.my

Ketuk, cat, gergaji kayu masa pantang

Kosmo 30/11/2011 MS 22.

PENULIS dan jurufoto, Azalezah Malek terkesima seketika. Di sebalik hutan belukar di Kampung Baru, Salong, Pekan, Pahang terdapat sebuah rumah papan usang yang dipenuhi kayu-kayan. Di situ, sepasang suami-isteri sedang bertungkus-lumus mengetuk dan menggergaji kayu.

Dari kejauhan, Ahmad Najib Mohd. Don, 60 dan Pauziah Abdullah, 53, berbual kosong dengan penuh tertib. Kedua-duanya seolah-olah sedang memperkatakan tentang kehadiran kami di 'wilayah' mereka.

Garis halus di tapak tangan wanita Pauziah Abdullah sudah tidak kelihatan dan kelembutannya juga sudah hilang gara-gara membuat kerja berat menukang kayu. Namun, suri rumah itu tidak kisah kerana dia percaya itu adalah rezeki halal untuk keluarganya meneruskan kelangsungan hidup.

“Terima kasih kerana sudi datang ke bengkel kami. Perusahaan perabot dan barang perhiasan daripada kayu pain kami usahakan secara kecil-kecilan saja,” kata Pauziyah



NASYITAH sedang membakar kayu agar produk nampak lebih halus dan kemas.

segera meninggalkan pengetuk dan paku tatkala salam dihulurkan.

Ahmad Najib pula menghentikan mesin yang bunyinya ditelan dek siulan mergastua dan gemersik pepohon di hutan belukar itu.

Lambakan kayu pain boleh dilihat merata-rata. Suasana cukup sunyi sehingga jam yang sedang berdetik jelas pada pendengaran. Tiada radio untuk menemani kerancakan mereka bekerja. Hanya secangkir kopi dan biskut keras di sisi Pauziyah ketika itu.

Kata suami isteri ini, perusahaan membuat perabot menggunakan material kayu pain bermula sejak tahun 1990.

Sejak itu, tanggungjawab, posisi dan karakter Pauziyah mengalami transisi yang sangat drastik. Daripada seorang suri rumah, wanita cekal itu bergelar seorang tukang kayu.

Bagaimanakah pintu hatinya boleh terbuka melakukan tugas seperti buruh kasar? Tidakkah dia malu mengerjakan pekerjaan yang lazimnya didominasi oleh kaum lelaki? Di manakah dia mengumpul segenap tenaga untuk melaksanakan kerja-kerja berat itu?

Mendengarnya, Pauziyah seperti

sudah siap siaga dengan jawapan. Dengan peluh merecik di wajah, anak kelahiran Pahang ini berkata: “Sudah menjadi tanggungjawab isteri membantu suami, masa dalam berpantang pun saya masih bekerja, mengetuk, mengecat dan menggergaji.”

Frasa yang lahir dari lohong hatinya itu membuatkan penulis dapat merasai keikhlasan dan pengorbanan tulusnya untuk keluarganya.

Pendidikan

Garis halus di tapak tangan wanita ini juga sudah tidak kelihatan dan kelembutannya juga sudah hilang. Namun, dia tidak kisah.

Bagi Pauziyah, seberat mana pun kerja yang dilakukan, janji ia membuahkkan rezeki yang halal demi untuk meneruskan kelangsungan hidup.

“Ini rezeki kurniaan Allah yang maha hebat kepada kami. Duit inilah digunakan untuk membesar dan memberi pendidikan yang terbaik kepada empat anak saya,” kata Pauziyah yang sarat dengan sifat keibuan.

Beritahu wanita ini, sepanjang 21 tahun mengusahakan produk

industri kecil dan sederhana (IKS), dia dan suaminya tidak pernah bercuti. Mereka akan mula bekerja seusai solat Subuh dan akan meninggalkan bengkel sebelum langit bertukar gelap.

Kalau diikutkan hati kata Pauziyah, mereka mahu lanjutkan kerja hingga lewat malam.

“Tapi selepas kami dikejutkan dengan ngauman harimau di sebalik hutan belukar itu beberapa tahun lalu, kami batalkan niat itu,” ceritanya.

Sepanjang wawancara berlangsung, mereka menjawab pertanyaan kami tanpa meninggalkan gergaji dan pengetuk di tangan.

Pauziyah mengetuk paku pada sebuah bekas pasu tanpa ragu-ragu. Jari jemarinya yang lincah menukang menampakkan sisi profesionalnya sebagai tukang kayu. Wajahnya yang putih kuning menjadi sedikit merah padam tatkala menahan mata daripada dimasuki habuk.

Dia juga sedikit tidak menghiraukan bahang kepanasan yang membuatkan peluh membasahi seluruh tubuh badannya. Ketika sepasang suami isteri ini memerah kudrat, anak ketiga mereka,




Kayu pain

- Terdapat lebih 115 jenis kayu pain. Di Amerika Syarikat (AS) sahaja, terdapat 35 jenis kayu pain yang boleh dijumpai.
- Dua jenis kayu pain iaitu radiata dan merkus yang dikatakan mempunyai kualiti yang paling baik.
- Pokok kayu hidup subur di Hemisfera Utara.
- Australia, Chile, Afrika Selatan, New Zealand dan AS merupakan antara negara yang memiliki pokok kayu pain terbesar dunia.
- Malaysia memiliki kayu pain jenis merkus. Namun, Sumatera, Indonesia dan Mindoro, Filipina pengeluar terbesar kayu jenis ini.
- Kayu pain adalah lembut dan boleh dijadikan kertas.
- Di AS dan Eropah, kayu pain merupakan pokok hiasan paling popular.
- Selain itu, negara-negara pengeluar kayu pain terbesar di dunia telah merevolusikan kayu pain menjadi perabot dan material penting dalam membuat lantai, pagar, ukiran dan banyak lagi kegunaan.
- Bagaimanapun produksi kayu pain di Malaysia sangat terhad.

Sumber: <http://www.ehow.com> & <http://www.helium.com>

Tip menjaga perabot kayu pain

- Jangan dedahkan perabot berasaskan kayu pain dengan air.
- Untuk memastikan ketahanan kayu pain, jangan biarkan perabot dibiarkan terlalu lama di bawah pancaran matahari. Jika tidak ia akan melunturkan warna kayu tersebut.
- Bagi menghilangkan debu pada rangka perabot, anda boleh mencucinya dengan kain lembap seminggu sekali dan jangan terlalu kerap.



PAUZIYAH berharap bisnesnya mampu membuka mata banyak pihak tentang keistimewaan kayu pain dalam penghasilan perabot yang berkualiti.

KOSMO 30/11/2011 MS23

memungkinkan jangkitan penyakit. Namun akui Pauziyah mahupun Ahmad Najib, mereka jarang jatuh sakit.

Penulis dan jurufoto mencuri sedikit masa terluang untuk menggali tentang perusahaan kayu pain yang diusahakan oleh Ahmad Najib dan Pauziyah ini.

Revolusi kayu pain

Ahmad Najib yang sebelum ini menjalankan bisnes rotan berkata, semua itu berlaku sejurus selepas cukai untuk rotan naik mendadak.

Justeru, dia dan isterinya terfikir mengapa tidak merevolusikan kayu pain menjadi barangan yang berguna seperti perabot dan barangan perhiasan.

"Biasanya kayu pain orang anggap tak berguna dan akan buang begitu saja. Namun, kami melihat potensi kayu ini dan ramai tak tahu bahawa ia bagus.

"Kayu ini sebenarnya berkualiti berbanding dengan kayu lain, urat kayunya juga lebih menarik," katanya yang mendapat bekalan dari sebuah syarikat di Peramu, Pekan dan mempunyai pengalaman menukang selama 35 tahun.

Syarikat mereka yang diberi nama Perniagaan Kayu Muhibbah akan



MESKIPUN perabot ini diusahakan hanya oleh empat tenaga kerja, hasilnya sangat bermutu tinggi dan begitu elegan.

Nasyitah, 26, tampil lalu membutuhkan kata-kata.

"Parut dan lebam memang dah jadi 'makanan' mak, mak pernah tertusuk kayu sebesar duit 50 sen masa memotong kayu dulu. Paku juga pernah singgah di pahanya, tapi baginya macam tak de apa-apa saja," adu anak gadis muda itu. Pauziyah hanya mengangguk-angguk sambil mengerutkan dahi.

Si suami yang berkulit sawo matang dan berjambang putih pula



NAJIB

lantas menyambung dengan nada seloroh: "Isteri saya adalah geng tukang saya, kalau dia cabut, habislah saya, susah mahu cari pekerja, gaji boleh bagi tapi ramai yang tak mahu."

Menyentuh soal pekerja, Ahmad Najib memberitahu, dia tidak mempunyai pekerja selain isteri dan dua anaknya, Nasyitah, 26 dan Fadzillah, 28.

Persekitaran yang berdebu



FADZILLAH (kanan) dan Nasyitah memindahkan produk yang telah siap untuk dihantar ke kedai.

Fadzillah, Nasyitah teruskan bisnes keluarga

SEMANGAT para wanita dalam keluarga Pauziyah Abdullah sungguh luar biasa. "Kami adalah kesinambungan dalam bisnes emak dan ayah. Jadi tukang kayu? Oh, itu tak menjadi hal, siapa lagi mahu teruskan idea hebat mereka kalau bukan kami.

"Kami bercita-cita untuk kembangkan pasaran dan tak mahu melihat mereka menyewa teksi untuk menjual produk ke mana-mana pameran," kata dua beradik, Fadzillah Ahmad Najib, 28, dan Nasyitah, 26.

Meskipun gadis-gadis yang berkelulusan Diploma Perikanan dan Ijazah Pengurusan Teknologi itu mampu pergi jauh, mereka tetap memutuskan menjadi tukang kayu.

Dua adik-beradik mereka yang lain, Ahmad Fayas, 27, memfokuskan tugasnya sebagai tutor sementara si bongsu, Ahmad Nasharudin, 16, masih mencongak masa depan.

Fadzillah dan Nasyitah juga menjalankan kerja-kerja pemasaran

Perniagaan Kayu Muhibbah dan menjaga kedai selain bertukang.

Ujar Fadzillah, perusahaan kayu pain mereka mendapat bantuan daripada Felcra Bhd., Kraftangan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Masyarakat.

"Masih banyak lagi yang kami kena banyak belajar daripada emak dan ayah," kata Fadzillah yang sentiasa mendoakan kesejahteraan orang tua mereka.

Kata Nasyitah: "Tak tertampung oleh pemikiran saya andai mereka tiada, harapan kami agar Yang Maha Esa melindungi mereka."

Kepada mereka yang berminat untuk menempah atau mahu belajar kemahiran, sila hubungi **013-6519 150/014-548 1971**, e-mel *Syitah_58@yahoo.com* atau berkunjung ke Bengkel Nombor 2, Kampung Baru, Salong, Pekan, Pahang.

Perabot berasaskan kayu pain dijual pada harga serendah RM3.50 hingga RM500.

Perniagaan Kayu Muhibbah akan memesan kayu pain yang sudah siap dipotong dua minggu atau tiga bulan sekali.

Meskipun tidak berpelajaran tinggi, kreativiti dua insan ini begitu terserlah. Mereka berdua bertanggungjawab mereka pelbagai kelengkapan seperti rehal, pasu, peti, almari, penyidai baju, penyangkut kunci, meja dan banyak lagi.

"Alhamdulillah, idea untuk menghasilkan barangan baharu sentiasa ada tapi seperti yang awak lihat, kita kekurangan peralatan yang canggih dan tenaga kerja," katanya.

Pendapatan mereka bergantung kepada permintaan pelanggan. Namun, ada ketikanya jika produk dibawa ke pameran-pameran tertentu, mereka boleh memperoleh sekitar RM4,000.

Kedua-dua mereka punya harapan besar untuk menakluk pasaran terutamanya di Lembah Klang jika ruang yang sepatutnya diberikan.

Sambil matanya singgah pada satu objek, Pauziyah berkata: "Kami bersedia untuk berkongsi kemahiran kepada mereka yang berminat dan selagi Allah mengurniakan kekuatan, saya akan meneruskan kerja sebagai tukang kayu walau ia nampak ganjil pada mata masyarakat."

PENGUNAAN
kayu pain sangat
meluas di AS.

